

Kaedah Tradisional Pewarisan Ilmu Permainan Makyung di Kelantan

The Traditional Method of Passing Down the Knowledge of Makyung in Kelantan

Noor Sabiha Hatta¹ & Patricia Ann Hardwick²

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia¹ & Sunway University, Malaysia²

e-mail: schabieyha77@gmail.com

Article received: September 26, 2024

Article revised: November 5, 2024

Article accepted: November 5, 2024

Article published: December 31, 2024

Cite this article (APA): Hatta, N. S., & Hardwick, P. A. (2024). Kaedah tradisional pewarisan ilmu permainan makyung di Kelantan. *Jurai Sembah*, 5(2), 28-36. <https://doi.org/10.37134/juraisembah.vol5.2.3.2024>

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengetahui dan mendalami kaedah tradisional pewarisan ilmu permainan Makyung Kelantan. Kajian ini meneroka secara terperinci berkenaan kaedah pewarisan ilmu secara tradisional menerusi kaedah Tok Guru mewariskan ilmu Makyung kepada anak murid atau pewaris, serta pewaris mewarisi ilmu Makyung daripada Tok Guru. Kajian ini turut mendedahkan dan menjelaskan kaedah tradisional pewarisan ilmu Makyung secara tepat. Kajian ini dijayakan dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian semasa kajian lapangan yang dilakukan bersama-sama beberapa orang pakar rujuk Makyung Kumpulan Seri Gabus di Kampung Gabus To'Uban, Pasir Mas, Kelantan dan Kumpulan Sri Gunong, Persatuan Seni Pusaka Sri Gunong, Gunong, Bachok, Kelantan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat pengkaedahan secara tradisional dalam pengkaedahan pewarisan ilmu Makyung tradisional Kelantan, iaitu kaedah pewarisan secara berguru angin sako bako, titih seni permainan dan juga tiru.

Kata kunci: Pewarisan, Makyung tradisional, angin, sako bako, titih

Abstract

This study explores the traditional method of knowledge transmission of Kelantanese Makyung. This study examines in detail how Tok Guru teaches Makyung to students and how students learn from the Tok Guru. This study also reveals several different ways in which Makyung is traditionally taught. This study uses the methods of interview and participant observation conducted during fieldwork with Makyung performers from the Seri Gabus Performance Group in Kampung Gabus To' Uban, Pasir Mas, Kelantan and Makyung Sri Gunong, Sri Gunong Heritage Art Association, in Gunong, Bachok, Kelantan. The findings demonstrate that there are four traditional methods of Makyung knowledge transmission, namely berguru, angin sako bako, titih seni permainan and tiru.

Keywords: Passing down, traditional Makyung, angin, sako bako, titih

Pengenalan

Dalam tradisi masyarakat Melayu, Makyung diwarisi melalui sistem keluarga besar atau keturunan (Alfan, 2020). Kebiasaannya, ibu bapa atau datuk nenek mewarisi kemahiran daripada nenek moyang sebelum diwariskan kepada anak-anak mereka atau saudara terdekat. Berdasarkan kajian ini, penglibatan Ahmad Shaifuldin Jusoh (Temu bual, Februari 24, 2023) bermula sejak kecil lagi apabila beliau hadir ke permainan Makyung dan menyaksikan bapa, ibu, datuk dan nenek bermain Makyung. Terdapat juga situasi Md Gel Mat Dali (Temu bual, November 17, 2021) membesar di panggung Makyung kerana komitmen ibu dan

ayah beliau bermain Makyung. Dalam dua situasi yang berbeza ini, dapat diringkaskan bahawa bakal pewaris sudah mengenali permainan Makyung secara tidak formal. Dengan adanya pengalaman menonton atau menyaksikan Makyung sejak kecil, bakal pewaris mula mempelajari Makyung atas dasar minat ataupun tuntutan keluarga. Adakalanya bagi Tok Guru, ini merupakan proses restu bakal pewaris bagi menentukan sama ada mereka layak atau tidak untuk mewarisi tradisi tersebut. Secara tidak langsung, mereka dapat melihat minat bakal pewaris bermain Makyung kemudian diteruskan dengan sesi merestui bakal pewaris untuk mempelajarinya. Seterusnya, bakal pewaris akan memulakan pengajian bersama dengan Tok Guru mereka. Berbekalkan pengalaman menonton permainan Makyung, Md Gel Mat Dali dan Ahmad Shaifuldin Mat Jusoff mula mempelajari Makyung secara berguru dengan Tok Guru mereka, iaitu Ali bin Deraman dan Sidik bin Tok berdasarkan beberapa kaedah pewarisan ilmu Makyung.

Permainan Makyung merujuk permainan Makyung yang dilaksanakan tanpa dirancang dialog, cara lakonan dan juga pelaksanaannya, yakni pemain hanya mengetahui jalan cerita dan mengolah teknik permainan. Persembahan Makyung pula merupakan satu pelaksanaan berformal dengan perancangan dari segi lakonan, tarian dan lagu berdasarkan skrip cerita Makyung yang dipilih untuk dibuat persembahan. Sebelum itu, terdapat sesi latihan oleh semua pemain sebelum membuat persembahan Makyung. Merujuk pakar Makyung, iaitu Md Gel Mat Dali (Temu bual, Mei 18, 2021), ilmu Makyung telah diolah dan dijayakan mengikut kesesuaian pengajian berbentuk formal. Permainan Makyung juga dijayakan oleh pengamal-pengamal seni persembahan moden dalam pelaksanaan persembahan Makyung moden. Kini, pembelajaran Makyung telah dijayakan oleh pensyarah-pensyarah dan adiguru seni persembahan di universiti awam dan swasta. Oleh itu, banyak pewaris Makyung khususnya generasi kini tidak mempunyai pengetahuan lanjut tentang kaedah tradisional pewarisan ilmu permainan Makyung tradisional. Secara dasarnya, ilmu Makyung bermula daripada pengajian secara tradisional. Ketiadaan penelitian jelas daripada pengamal Makyung tradisional tentang kaedah tradisional pewarisan ilmu Makyung merumitkan lagi ilmu tersebut diperkenalkan kepada bakal pewaris. Kajian ini memfokuskan permainan Makyung bagi mengetahui dan meneliti kaedah tradisional pewarisan ilmu permainan Makyung tradisional Kelantan. Dalam pada itu, kajian ini hanya memberikan fokus kepada permainan Makyung tradisional Kelantan.

Pernyataan Masalah

Permasalahan dalam kajian ini adalah ketiadaan penelitian secara terperinci berkenaan kaedah tradisional pewarisan ilmu Makyung. Ini terjadi kerana terdapat kajian berkenaan Makyung oleh Hardwick (2014) menyebut ilmu Makyung yang melibatkan angin dan keturunan tetapi tidak menjelaskannya secara terperinci. Oleh itu, terdapat dapatan yang dianggap sebagai maklumat tidak lengkap yang tidak dapat diketahui oleh generasi atau pewaris baharu ilmu Makyung. Ini justeru menyukarkan kefahaman pewaris berkenaan ilmu Makyung selain memberikan impak kepada cara penerimaan atau pemikiran pewaris berkenaan ilmu permainan tradisional kerana kurangnya pendedahan tentang ilmu Makyung tradisional.

Walaupun kini sudah banyak pewaris baharu memperjuangkan permainan Makyung, namun sesetengah mereka mendapatkan ilmu secara formal yakni berbeza dengan kaedah dapatan pengamal dahulu. Tidak banyak pewaris baharu Makyung yang dapat memberikan penjelasan atau salasilah ilmu permainan Makyung tradisional. Oleh itu, kebanyakan pewaris Makyung didapati tidak berhadapan dengan sebarang kesulitan untuk mempelajari serta mewarisi ilmu persembahan Makyung. Mereka dipercayai sudah rasi dalam darah sendiri, iaitu darah mene atau darah keturunan dan hanya perlu diperturunkan serta direstui oleh pemegang ilmunya sahaja. Walau bagaimanapun, tiada pemahaman dan pendedahan tentang kaedah tradisional pewarisan ilmu permainan Makyung juga memberikan impak pemahaman kepada pewaris yang mempunyai angin Makyung keturunan. Hal ini bermaksud, tanpa pendedahan dan penurunan ilmu oleh pengamal asal, pewaris tidak dapat memahami secara jelas berkaitan dengan angin Makyung. Ini berkemungkinan menyebabkan pewaris kelak akan menghadapi masalah berkaitan dengan pelepasan angin Makyung. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tidak sempat berguru dengan betul bersama-sama pengamal melalui cara kaedah tradisional pewarisan ilmu permainan Makyung. Menurut Wan Midin Wan Majid (Temu bual, Mei 13, 2022) pula, terdapat situasi pewaris akan mengalami sakit angin Makyung yang menyebabkan dia menjadi gila ataupun sakit terlantar. Ini terjadi kerana mereka tidak belajar dan menuntut pengajian ilmu Makyung dengan betul bagi memahami dan meredakan angin Makyung keturunan mereka.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengetahui dan meneliti kaedah tradisional pewarisan ilmu Makyung tradisional Kelantan. Selain mempunyai nilai tersendiri, Makyung Kelantan sudah sebatikan dengan budaya masyarakat Melayu. Kajian ini juga diutamakan dalam kalangan ahli keluarga asal penggerak Makyung. Seperti sedia maklum, permainan Makyung tradisional di Kelantan pada masa ini adalah amat terhad dan adakalanya dibuat hanya sebagai persembahan melepaskan angin pesakit dalam perubatan Main Teri. Kini, kebanyakan permainan ini melibatkan warga tua manakala warga muda pula bertindak sebagai pemuzik dan penari sahaja. Tiada pendedahan secara tepat tentang kaedah tradisional pewarisan ilmu Makyung lantas menyukarkan pemahaman untuk pewaris memahami dan merujuk ilmu Makyung yang asalnya berasaskan sistem tradisional.

Sorotan Literatur

Menurut Hardwick (2020), hasil rujukan melalui cara pembelajaran Makyung secara moden di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dibuat berdasarkan skrip dan tertumpu kepada bentuk pementasan, seni gerakan dan tarian serta menitikberatkan pelaksanaan pemakaian kostum. Secara ringkasnya, para pelajar dilatih berdasarkan pementasan yang disesuaikan dengan kaedah barat dalam aspek lakonan, cerita linear dan pementasan berbentuk prosenium. Pembelajaran secara moden ini mengasingkan falsafah tradisional penurunan ilmu Makyung yang tidak melibatkan angin dan semangat kerana mereka tidak mementingkan perkara tersebut dalam pelaksanaan sesebuah persembahan Makyung. Sementara itu, dalam kaedah tradisional, tiada lagi dapatan yang menjelaskan kaedah ilmu Makyung dipelajari atau diturunkan daripada orang lama kepada pewaris seterusnya pada zaman dahulu.

Menurut Md Gel Mat Dali (Temu bual, November 17, 2021), pengamal Makyung kini kebanyakannya tidak memahami Makyung kerana banyak ilmu Makyung yang tidak diketahui. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan pewaris Makyung kini hanya mempelajari cara melaksanakan persembahan Makyung dan tidak memahaminya secara mendalam berkenaan ilmu Makyung. Tambahan pula, ilmu Makyung kini telah banyak mengalami penyingkatan. Oleh itu, pewaris tidak mempunyai pendedahan terhadap angin Makyung, adat, pantang larang dan bentuk asal Makyung yang tradisional. Dalam pewarisan secara tradisional, ini mungkin memakan masa yang lama bergantung pada situasi serta keupayaan pewaris dan Tok Guru. Walau bagaimanapun, tiada langkah yang boleh dilangka kerana dalam sistem pewarisan ilmu secara tradisional, hal ini mempunyai tertib perguruan dan tertib kepada pengenalan ilmu, angin serta keupayaan pewaris.

Wan Midin Wan Majid (Temu bual, Mei 13, 2022) pula menyatakan, beliau mula menceburi seni persembahan Makyung setelah bergiat dalam Wayang Kulit. Apabila terdapat kumpulan Makyung yang kekurangan ahli untuk melangsungkan persembahan, beliau telah dijemput oleh ketua kumpulan untuk menyertai mereka. Sejak itu, beliau aktif dalam permainan Makyung, dan lama-kelamaan beliau berupaya membawa watak utama, iaitu Peran dalam cerita Makyung. Selain itu, beliau juga mempunyai kaitan dengan susur galur keturunan Makyung kerana keluarganya sememangnya pengamal seni Wayang Kulit dan Makyung. Situasi ini dapat menggambarkan pewarisan Makyung juga terlibat secara spontan jika pengamal tersebut ada melibatkan diri dalam kesenian lain. Hal ini dikatakan demikian kerana semua ilmu terbabit tergolong sebagai kelompok yang sama dalam kesenian tradisional.

Menurut pemain Makyung, iaitu Rahimah Zakaria (Temu bual, November 21, 2021), beliau mula mempelajari Makyung sejak ditimpa sakit. Oleh itu, ahli keluarganya telah merujuk pengamal tilikan. Hasil daripada tilikan tersebut, pengamal menasihati Rahimah agar mempelajari Makyung sebagai proses penyembuhan kerana penyakitnya dipercayai datang daripada angin Makyung keturunannya. Ini bermakna, beliau perlu mempelajari ilmu Makyung tersebut bagi meredakan penyakit yang dihidapi. Ekoran nasihat terbabit, beliau telah mempelajari cara bermain Makyung daripada keluarganya selama tiga bulan, kemudian beliau mencari ilmu Makyung dengan cara menyertai ahli keluarga bermain Makyung sehingga mampu menjadi pakar dalam permainan tersebut. Ringkasnya, ilmu Makyung yang terdapat dalam keturunan keluarganya telah datang secara aliran keturunan untuk diamalkan oleh pewaris. Sekiranya pewaris mengabaikan dan tidak berbuat demikian, maka sakit atau bala akan menimpa pewaris atau keluarga kepada ilmu tradisi ini.

Metodologi Kajian

Dalam pelaksanaan kajian ini, pengkaji membahagikan proses kepada tiga peringkat utama, iaitu sebelum, semasa, dan selepas sesi temu bual, bagi menjelaskan langkah-langkah yang dilaksanakan dalam setiap sesi. Kajian ini menggunakan pendekatan etnografi melalui pemerhatian semasa temu bual serta catatan lapangan hasil daripada kajian lapangan. Pada peringkat awal, pengkaji menyenaraikan nama pakar rujuk yang akan ditemu bual dan menghubungi mereka untuk sesi pengenalan. Pengkaji turut menjelaskan tujuan berhubung dengan mereka. Setelah persetujuan diperoleh, pengkaji menetapkan tarikh, masa, dan lokasi bagi sesi temu bual tersebut. Kebanyakan individu yang dirujuk dalam kajian merupakan mereka yang terlibat dengan dua kumpulan yang berbeza, iaitu Kumpulan Sri Gabus dan Kumpulan Makyung Persatuan Seni Pusaka Sri Gunong. Pemilihan beberapa orang individu dalam kumpulan ini dilakukan kerana terdapat beberapa ahli kumpulan tersebut yang merupakan pemain Makyung paling berpengalaman di Kelantan serta menjadi rujukan utama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Kelantan (JKKN). Hal ini menjadikan individu dalam kumpulan tersebut sebagai rujukan utama berkenaan Makyung tradisional di Kelantan. Beberapa individu dalam kumpulan tersebut juga merupakan pakar rujuk utama kepada pengkaji Makyung, iaitu Yousof (1976) bersama dengan Hardwick (2009, 2013).

Setelah mendapat persetujuan daripada kedua-dua pihak, pengkaji mengunjungi responden bagi menjalankan sesi temu bual. Sebelum temu bual dimulakan, pengkaji menerangkan tujuan pelaksanaan temu bual kepada responden secara teliti untuk mengelakkan sebarang salah faham sepanjang kajian mahupun selepasnya. Pengkaji turut menjelaskan keperluan merakam temu bual tersebut bagi tujuan dokumentasi, di samping memastikan rakaman audio bagi maklumat sensitif atau nama yang disebut oleh pakar rujuk dihentikan buat sementara bagi menjaga kerahsiaan. Sepanjang sesi temu bual, pengkaji merekodkan audio bagi setiap proses kajian untuk dijadikan rujukan dalam penulisan. Dalam pada itu, gambar turut diambil sebagai bahan tambahan. Setelah sesi temu bual berakhir, pengkaji menyimpan dan mengumpulkan semua bahan temu bual untuk tujuan transkripsi dan analisis.

Dapatan dan Perbincangan

Sako Bako

Menurut Md Gel Mat Dali (Temu bual, November 21, 2021), kaedah pewarisan ilmu Makyung tradisional secara sako bako bermaksud pewarisan ilmu berlaku secara aliran darah keturunan angin Makyung. Pewaris biasanya akan ditimpa sakit angin sebelum mempelajari ilmu Makyung. Dalam situasi bakal pewaris mengalami sakit sebelum mendapat ilmu, ini dapat disamakan dengan pewarisan ilmu perbomohan. Biasanya apabila melibatkan ilmu-ilmu warisan yang bersifat tradisional, ini melibatkan situasi yang unik dan hanya dapat difahami oleh mereka yang mengalaminya sahaja. Dalam pada itu, terdapat sesetengah bakal pewaris yang biasanya mereka akan jatuh sakit ataupun mengalami gangguan jiwa seperti tidak siuman sebelum mendapatkan ilmu. Biasanya bakal pewaris diberikan dugaan bagi mengajar diri untuk serasi dengan ilmu warisan mereka. Semasa dalam keadaan sakit tersebut, mereka akan diuji dengan ilmu masing-masing untuk menguatkan mental dan fizikal bagi mendapatkan dan mengguna pakai ilmu sebaik-baiknya untuk membantu keturunannya ataupun masyarakat yang memerlukan. Untuk menyembuhkan sakit, pewaris dikehendaki mempelajari ilmu Makyung keturunannya bagi meredakan sakit angin sehingga sembuh. Selepas mempelajari ilmu Makyung, biasanya pewaris akan sembuh sediala.

Tambahan lagi, Md Gel Mat Dali (Temu bual, November 21, 2021) menyatakan, pewarisan ini tidak menetapkan pewaris untuk bermain Makyung. Tindakan ini merupakan sekadar pewarisan ilmu keturunan supaya ilmu tersebut mempunyai pewaris. Bahkan, bergantung pada pewaris sama ada mahu bermain Makyung untuk hiburan ataupun hanya bermain untuk meredakan angin Makyung keturunannya. Dalam kaedah pewarisan ilmu Makyung tradisional secara angin sako bako, ilmu ini tidak didedahkan dan diajar kepada orang luar serta hanya diperturunkan kepada pewaris yang mempunyai susur galur darah keturunan. Ini penting kerana dalam penurunan angin sako bako, angin tersebut hanya berkehendakkan pewaris yang mempunyai darah keturunan daripada pengamal asal. Biasanya jika angin tidak diperturunkan kepada anak, angin tersebut mungkin akan diwarisi kepada cucu, anak saudara ataupun cicit daripada darah keturunan pengamal asal. Sekiranya pewaris atau keturunan tersebut tidak berminat, angin tersebut perlu dibuang bagi mengelakkan pewaris atau bakal pewaris ditimpa penyakit. Oleh itu, bagi urusan menolak angin sako bako, pewaris atau bakal pewaris akan melaksanakan Tolak Balai agar tidak terus mengganggu kesihatan pewaris.

Dalam kajian kes angin sako bako Rahimah Zakaria (Temu bual, Mei 17, 2022) dan Sidik Tok (Temu bual, Februari 24, 2023), angin Makyung sako bako telah memilih kedua-duanya untuk meneruskan angin Makyung daripada keturunan mereka. Sebelum angin tersebut diketahui, mereka ditimpa sakit yang disebabkan oleh angin. Setelah mengetahui punca penyakit dan situasi susur galur keturunan, adanya minat untuk bermain Makyung serta sudah terdedah tentang permainan Makyung, mereka dengan rela hati mempelajari ilmu Makyung bagi tujuan meredakan sakit tersebut. Bermula dengan mempelajari ilmu keturunan untuk pulih daripada penyakit, mereka meneruskan ilmu tersebut sebagai minat untuk bermain Makyung di samping menjana sumber pendapatan.

Menurut Rahimah Zakaria (Temu bual, Jun 20, 2022), selepas mendapatkan ilmu Makyung, beliau cuba menurunkan ilmunya kepada pewarisnya pula. Dalam pewarisan kepada bakal pewaris ketiga, iaitu anaknya, mereka tidak mengalami sakit seperti Rahimah tetapi telah mempelajari ilmu Makyung tersebut melalui cara pelaksanaan kaedah tradisional pewarisan ilmu permainan Makyung secara berguru dengan ibunya sendiri. Dalam penurunan ilmu kepada pewarisnya pula, Rahimah mempunyai dua yang situasi berbeza. Pertama, situasi menurunkan ilmu Makyung untuk pewarisnya bermain Makyung, manakala kedua, menurunkan ilmu untuk pewarisnya menolong keturunan mereka dalam situasi angin ilmu keturunan. Rahimah telah mengajar anak perempuannya, iaitu Zulira Idah binti Ali cara bermain Makyung manakala anak lelakinya Norazman bin Ali telah mempelajari ilmu Makyung bagi membantu keluarga keturunannya yang mempunyai angin Makyung dan angin pendekar.

Situasi berbeza dalam kajian kes terhadap Sidik Tok (Temu bual, Februari 24, 2023) apabila beliau telah mengalami sakit lumpuh selama tiga bulan sebelum sembuh dengan cara mempelajari Makyung. Dalam situasi ini, bagi tujuan pembelajaran Makyung untuk meredakan angin sako bako, Sidik Tok tidak mempelajari ilmu Makyung keturunan beliau. Sebaliknya, beliau mempelajari Makyung dengan Tok Guru yang tidak mempunyai susur galur daripada keturunannya. Dalam erti kata lain, Sidik Tok hanya mewarisi angin sako bako keturunannya sahaja tetapi tidak mewarisi ilmu Makyung. Bagi situasi seperti ini, walaupun tidak mempelajari ilmu Makyung keturunan, sakit berpunca daripada angin sako bako tersebut dapat dipulihkan dengan cara mencari dan mempelajari ilmu Makyung daripada orang lain. Apabila melibatkan angin sako bako, perkara tersebut tidak berketetapan agar pewaris mempelajari ilmu keturunan tetapi perlu mempelajari ilmu yang berkaitan dengan angin bagi meredakan sakit angin tersebut. Sebagai contohnya, sekiranya sakit itu berpunca daripada angin sako bako Makyung, maka angin sako bako tersebut dapat dipulihkan dengan cara mempelajari ilmu Makyung.

Tiru

Menurut Wan Midin Wan Majid (Temu bual, Mei 13, 2021), dalam pelaksanaan kaedah tradisional pewarisan ilmu permainan Makyung Kelantan secara tiru, pewaris sudah mengetahui permainan Makyung dan mempunyai ilmu tentangnya. Pewarisan ilmu Makyung secara tiru terlaksana apabila pewaris ingin memantapkan lagi ilmu Makyung dengan cara berguru dengan Tok Guru berlainan menerusi kaedah meniru Tok Guru bermain Makyung. Biasanya, melalui cara pembelajaran ilmu kaedah ini, anak murid akan mengikut Tok Guru dan melihat cara Tok Guru bermain Makyung sehingga pewaris mampu bermain seperti beliau. Tambahan lagi, lazimnya dalam kaedah ini, anak murid akan kerap merujuk Tok Guru untuk bertanya soalan ataupun Tok Guru akan menegur anak murid berkenaan ilmu permainan Makyung. Bagi situasi ini, pembelajaran banyak berlaku di panggung permainan selepas permainan Makyung tamat. Ini terjadi kerana pada masa itu anak murid akan mengadap Tok Gurunya untuk bertanya soalan ataupun Tok Guru akan menegur cara permainan anak muridnya.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, menurut Wan Midin Wan Majid (Temu bual, Mei 13, 2021) dan Md Gel Mat Dali (Temu bual, Mei 18, 2021), mereka mewarisi ilmu Makyung ketika berusia lingkungan umur 20-an. Tambahan lagi, perkara itu menjadi mudah bagi mereka untuk mempelajarinya kerana kebanyakan Tok Guru merupakan rakan sepanggung dalam permainan Makyung, Main Teri dan Wayang Kulit. Ketika mereka terlibat dengan permainan, mereka akan memerhatikan cara rakan sepanggung bermain Makyung dan meniru cara tersebut serta merujuk rakan-rakan tersebut sekiranya terdapat persoalan yang tidak difahami. Dengan mengangkat rakan-rakan sepanggung sebagai Tok Guru, pengkaedahan ini tidak dianggap meniru secara 100 peratus daripada Tok Guru tetapi menggunakan kaedah tiru sebagai rujukan kepada proses pembelajaran. Bagi anak murid juga, dengan adanya ilmu dalam permainan lain, proses pewarisan ilmu Makyung mereka menjadi mudah dan tidak memakan masa yang lama kerana mereka sudah mempunyai asas dalam permainan Kelantan. Seperti Wan Midin dan Md Gel, mereka sudah

arif dalam muzik Wayang Kulit dan Main Teri. Oleh itu, proses pembelajaran Makyung hanya memfokuskan struktur permainan Makyung dan cara untuk melaksanakan permainan Makyung sahaja.

Dalam pengkaedahan ilmu Makyung ini juga, biasanya anak murid mempunyai beberapa orang Tok Guru kerana daripada setiap Tok Guru, mereka akan mempelajari dan meniru ilmu yang berbeza seperti gaya lakonan, dialog, dan nyanyian. Oleh itu, kaedah peniruan ini tidak dianggap sebagai hal negatif kerana menjadi antara proses kaedah tradisional pewarisan ilmu permainan Makyung Kelantan. Baik orang dahulu mahupun masa kini, pewarisan atau pembelajaran secara tradisional tidak bersifat formal. Oleh itu, kaedah peniruan dalam seni permainan tidak dianggap sebagai sesuatu yang negatif, kerana menjadi sebahagian daripada proses perguruan dalam seni permainan Kelantan. Namun, situasinya berbeza apabila seorang pemain Makyung meniru gaya permainan pemain lain tanpa mengangkat individu tersebut sebagai Tok Guru. Ini dianggap sebagai meniru permainan dan bukan sebahagian daripada proses pewarisan ilmu tradisional dalam seni permainan Kelantan.

Dalam pengkaedahan ini, selepas yakin untuk bermain Makyung secara meniru permainan seseorang Tok Guru, pemain Makyung akan mencari cara mainan atau identiti mainan mereka sendiri. Seterusnya, mereka akan menjadikan ilmu Tok Gurunya sebagai asas dalam permainan Makyung sendiri. Dalam permainan Makyung, apabila seorang pemain beraksi di pentas, penonton yang menyaksikannya boleh mengenal pasti kemiripan gaya permainan pemain tersebut dengan seseorang. Jika terdapat persamaan, penonton akan mengetahui bahawa pemain itu telah belajar daripada individu yang gaya permainannya ditiru. Lama-kelamaan, apabila sudah terbiasa bermain Makyung, anak murid akan menemui rentak tersendiri untuk bermain dengan identiti mereka sendiri, bukan lagi berdasarkan gaya Tok Guru mereka.

Titih Seni Permainan

Situasi berbeza dalam pengkaedahan tradisional pewarisan ilmu permainan Makyung Kelantan secara titih seni permainan. Sebelum beralih kepada permainan Makyung atau menuntut ilmu permainan tersebut, pewaris telah terlibat dengan permainan seperti Silat, Dikir Barat, Menora, dan Main Teri. Proses penurunan ilmu ini tidak melibatkan susur galur permainan Makyung tetapi susur galur permainan lain. Menurut Che Zawawi Abdullah (Temu bual, Jun 17, 2021), biasanya kaedah penurunan ini berlaku kepada pewaris jika sebelumnya mereka sudah terlibat dalam perubatan Main Teri dan berminat untuk bermain Makyung. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam perubatan Main Teri, terdapat permainan Makyung jika perubatan tersebut melibatkan angin Makyung. Kebanyakan pemain Main Teri pada zaman dahulu akan turut mempelajari cara bermain Makyung bagi memulihkan pesakit yang berkehendakkan permainan Makyung. Dalam pelaksanaan permainan Makyung, kebanyakan pemain atau pemuziknya sudah biasa dengan Main Teri kerana mereka sering terlibat dalam permainan Makyung sebagai sebahagian daripada upacara perubatan Main Teri. Oleh itu, wujudnya kaedah tradisional pewarisan ilmu permainan Makyung Kelantan secara titih seni persembahan.

Tambahan lagi, pelaksanaan kaedah ini tidak memakan masa yang lama kerana pewaris sudah mengetahui asas ilmu Makyung. Oleh sebab itu, pewaris hanya memerlukan seorang Tok Guru untuk bertindak sebagai pakar rujuk ataupun penasihat. Menurut Che Zawawi Abdullah (Temu bual, Jun 17, 2021), dalam pengkaedahan ini pewaris akan mencari seorang individu yang paling layak dan sanggup memberikan tunjuk ajar ilmu Makyung mereka kepada pewaris. Hal ini tidak sesukar kaedah lain kerana dengan adanya pengalaman dan ilmu kesenian lain, pewaris hanya memerlukan minat untuk belajar dan mempunyai bakat untuk bermain Makyung sama ada sebagai Mak Yong ataupun Peran. Dalam pengkaedahan ini juga, biasanya pewaris mempelajari cara lakonan Peran Tua ataupun Peran Muda.

Berguru

Kaedah secara berguru dianggap sebagai kaedah pewarisan ilmu yang paling formal dalam sistem pewarisan ilmu tradisional. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa berguru merupakan kaedah yang paling lengkap dalam sistem pewarisan ilmu tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah tersebut mempunyai tertib dalam pewarisan ilmu Makyung dan diakhiri dengan adat upacara sembah guru sebagai pelengkap kepada pewarisan ilmu. Berdasarkan kajian maklumat mengikut pakar rujuk Nisah Mamat (Temu bual, Mei 13, 2021) dan Ahmad Shaifuldin Jusoff (Temu bual, Februari 24, 2023), mereka didedahkan terlebih dahulu berkenaan susur galur ilmu keturunan semasa proses perguruan sebelum ke sesi perguruan ilmu Makyung dan diakhiri dengan upacara sembah guru.

Menurut Nisah Mamat (Temu bual, Mei 13, 2021), proses pewarisan ilmu Makyung keturunannya bermula apabila ibu saudaranya mencari pewaris ilmu Makyung dalam kalangan keluarga mereka dan beliau telah dipilih. Dari situ, pendedahan tentang ilmu Makyung bermula dan diteruskan dengan pembelajaran secara formal, iaitu berguru dengan ibu saudaranya. Dalam pengkaedahan ini, dapat diketahui bahawa tidak seharusnya bermula dengan minat kepada ilmu Makyung, tuntutan susur galur pembawa ilmu Makyung yang menginginkan pewaris juga menjadi salah satu kepada pendedahan tentang ilmu Makyung sehingga menarik minat pewaris untuk belajar. Semasa proses pembelajaran, bergantung pada pewaris tentang tujuan belajar sama ada untuk bermain ataupun hanya melengkapkan tuntutan keturunan mereka. Menurut pakar rujuk yang sama juga, semasa dalam proses pembelajaran, mereka turut dibawa ke panggung-panggung permainan untuk menjadi penari menghadap rebab serta penari joget bagi memberikan pendedahan awal tentang permainan Makyung. Semasa penglibatan tersebut, mereka akan melihat proses permainan Makyung sambil mempelajari ilmu Makyung bersama Tok Guru.

Dalam adab perguruan pula, apabila melibatkan perguruan secara tradisional, ini sangat sinonim dengan adab anak murid kepada Tok Guru. Dalam penurunan ilmu Makyung tradisional, cara atau kaedah untuk mendapatkan ilmu secara berguru sangat memerlukan masa yang panjang kerana pelaksanaan pembelajarannya tidak bersifat formal. Oleh itu kaedah berguru secara tradisional sangat memerlukan kesungguhan anak murid untuk mendapatkan ilmu. Dalam kajian ini, dapat dilihat bahawa anak murid perlu memainkan peranan utama bagi menggerakkan pelaksanaan penurunan ilmu Makyung kerana anak murid mesti menghadap Tok Gurunya dan mengikut kesesuaian Tok Guru dalam pembahagian masa pengajian. Oleh itu, jika tiada kesungguhan daripada anak murid, perguruan ini mungkin tidak dapat diselesaikan dan ilmu tidak akan diturunkan. Daripada pihak Tok Guru pula, penurunan ilmu secara berguru sangat sulit untuk mereka kerana tidak semua Tok Guru mahu menurunkan ilmu kepada orang luar.

Implikasi Dapatan Kajian

Keempat-empat pengkaedahan, iaitu sako bako, titih seni permainan, tiru dan berguru yang telah diperoleh hasil dapatan pengkaji bersama responden yang mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam ilmu Makyung dapat menjadi jawapan kepada penelitian dan pemahaman terhadap sistem kaedah tradisional pewarisan ilmu Makyung Kelantan. Dengan adanya maklumat rujukan daripada pakar Makyung tradisional, penelitian ini berjaya dijelaskan satu per satu cara pelaksanaan, tujuan pelaksanaan dan hasil pelaksanaan kaedah tersebut. Kaedah tradisional ini bergantung pada situasi pewaris dan terlaksana berdasarkan latar belakang, keadaan, serta keupayaan pewaris dalam mendapatkan ilmu Makyung tradisional secara tradisional. Secara dasarnya, empat pengkaedahan pewarisan ilmu Makyung secara tradisional boleh dibahagikan kepada dua situasi. Pertama, situasi ilmu yang berkehendakkan pewaris dan kedua, ilmu yang diminati untuk diwarisi. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara utama sebelum menjadi pewaris, seorang pewaris perlu mengetahui dan mengenali asal usul kesenian keturunannya serta minat untuk mencari kaedah yang dirasakan paling serasi dan sesuai untuk mempelajari ilmu Makyung.

Dalam pengkaedahan secara angin sako bako, hasil dapatan membuktikan dapatan ilmu Makyung bergantung pada situasi pewaris. Ini terjadi kerana pada awalnya pewaris tidak mengetahui tentang ilmu Makyung dan segalanya bermula apabila pewaris mengalami sakit sebagai petanda untuk menjadi pewaris kepada ilmu Makyung keturunan. Proses pewarisan juga bergantung pada ketetapan angin sakit pewaris sama ada perlu mempelajari ilmu keturunan ataupun hanya perlu mempelajari permainan Makyung menerusi mana-mana Tok Guru yang bukan asal daripada keturunannya. Ringkasnya, dalam pengkaedahan mengikut sako bako ini situasi pewaris mempengaruhi proses dapatan ilmu Makyung tersebut. Ini dapat dibuktikan lagi menerusi situasi Rahimah Zakaria (Temu bual, Jun 20, 2022) serta Sidik Tok (Temu bual, Februari 24, 2023) yang menjadi pewaris ilmu keturunan dan angin keturunan yang menuntut mereka belajar Makyung bagi meredakan sakit angin Makyung. Kedua-dua situasi ini mengukuhkan fakta bahawa kaedah tradisional untuk memperoleh ilmu bukan sahaja bermula dengan minat untuk mempelajari Makyung. Apabila melibatkan ilmu tradisional, pewaris perlu memahami salasilah ilmu keturunan sebagai pengenalan dan panduan kepada ilmu tersebut. Selain itu, mereka perlu mencari kaedah yang sesuai untuk menjadi pewaris yang berkecukupan. Oleh sebab itu, bakal pewaris yang mempunyai situasi yang sama, yakni melibatkan angin sako bako perlu mengetahui dan memahami ilmu keturunan bagi memudahkan proses penurunan ilmu secara kaedah angin sako bako. Dengan adanya pemahaman tentang angin sako bako keturunan, perjalanan pewarisan itu amat mudah cara dapatannya kerana pewaris sudah faham dan bergantung pada pewaris sama ada mahu menjadikan ilmu tersebut sebagai permainan ataupun hanya untuk meredakan sakit angin.

Pengkaedahan pewarisan secara titih seni permainan pula dianggap sebagai kaedah yang paling ringkas dan tidak mempunyai ketetapan yang sulit untuk pewaris kerana dapat dilaksanakan dengan adanya pengalaman yang menimbulkan minat untuk pewaris mempelajari Makyung. Permulaan kaedah ini bermula dengan adanya pengalaman dan pengetahuan pewaris terhadap seni permainan lain seperti silat, dikir, dan perubatan Main Teri. Menurut Che Zawawi Abdullah (Temu bual, Jun 17, 2021), apabila adanya ilmu kesenian lain dan sering terlibat dalam permainan Makyung, timbul minat mempelajari Makyung maka berbekalkan ilmu kesenian yang ada, pewaris mencari sumber ilmu Makyung untuk dijadikan panduan. Dalam kaedah ini, biasanya pewaris akan merujuk dan melantik rakan sepanggung dalam bidang Makyung sebagai rujukan untuk berguru. Pengkaedahan ini biasanya dilaksanakan oleh pewaris yang berkeinginan menjadi Peran dalam cerita Makyung kerana sudah melihat dan memerhati permainan Makyung selain merasakan mampu membawa watak tersebut. Di samping itu, pengkaedahan ini juga dilaksanakan berasaskan pengalaman dan minat pewaris untuk mempelajari ilmu Makyung setelah terlibat dengan Main Teri. Ini terjadi kerana tujuan pembelajaran tidak semestinya untuk bermain Makyung tetapi ilmu ini juga penting bagi pewaris yang terlibat dalam perubatan Main Teri bagi memahami sakit atau angin pesakit yang berkehendakkan Makyung semasa proses penyembuhan. Dengan demikian, adalah penting kepada pemain atau pemuzik untuk mengetahui ilmu Makyung bagi penyembuhan pesakit.

Pengkaedahan secara tiru pula melibatkan pewaris yang sudah mempunyai ilmu Makyung dan melaksanakan kaedah ini sebagai cara memantapkan ilmu Makyungnya. Menurut Md Gel Mat Dali (Temu bual, November 17, 2021), seorang pemain Makyung sentiasa mencari ilmu baharu dan melihat permainan pemain lain untuk memantapkan bawaan permainan. Setiap pemain mempunyai gaya permainan sendiri dan akan menuntut ilmu individu lain jika dirasakan ilmu tersebut membantu memantapkan lagi sedia ada. Sebagai pewaris dalam kaedah ini, pergaulan dengan individu dalam dunia permainan sangat membantu untuk mendapatkan ilmu kerana kaedah tiru tidak semudahnya dilaksanakan jika pewaris dan Tok Guru tidak mempunyai hubungan baik sehingga dirasakan dia dibenarkan meniru permainan individu tersebut. Dalam pengkaedahan ini juga, persediaan pewaris mesti selari dengan niat tanpa ada sifat ingin lebih daripada Tok Guru. Ini penting kerana bawaan ilmu daripada kaedah tiru perlu disertai dengan sifat mengenang budi dan tidak meninggalkan Tok Guru selepas selesai menuntut ilmu. Tambahan pula, dengan adanya ilmu yang sedia ada, pewaris tidak boleh mempersoal ataupun membandingkan ilmu lama dengan ilmu baru kerana dapatan baru memantapkan ilmu lama dan bukan untuk mengubah ilmu yang sedia ada.

Sementara itu, pengkaedahan secara berguru berbeza dengan penurunan ilmu dengan cara tiru atau titih seni permainan kerana wajib diakhiri dengan upacara sembah guru bersama dengan Tok Guru. Menurut Wan Midin Wan Majid (Temu bual, Mei 13, 2022), kaedah berguru sangat istimewa kerana kelihatan formal seperti menuntut ilmu di sekolah dan melibatkan beberapa orang anak murid ataupun penuntut. Dalam kaedah ini, biasanya Tok Guru akan membuka peluang untuk sesiapa yang mahu mempelajari ilmu Makyung dan sesi pembelajaran akan berlaku di rumah Tok Guru. Terdapat juga sesetengah penuntut yang tinggal bersama dengan Tok Guru bagi memudahkan sesi pembelajaran. Kaedah ini terlaksana dengan dua cara, iaitu pewaris minat untuk belajar dan pewaris dihantar oleh ibu bapa untuk belajar ilmu Makyung. Dalam proses pembelajaran ini, pewaris akan mengikuti semua proses pembelajaran dari segi watak, lakonan dan nyanyian. Pemilihan watak dan peranan bergantung pada Tok Guru selepas menilai kebolehan anak murid semasa proses pembelajaran. Sebagai penutup pewarisan bersama dengan Tok Guru, satu sesi restu ilmu dilaksanakan, iaitu sembah guru sebagai simbolik kepada kejayaan pelaksanaan perguruan antara Tok Guru dengan anak murid. Kini, kaedah ini banyak dilaksanakan untuk penuntut-penuntut seni persembahan yang merujuk pakar Makyung tradisional untuk mempelajari persembahan Makyung.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan dalam pengkaedahan secara tradisional pewarisan ilmu Makyung Kelantan, faktor kehidupan bakal pewaris mempengaruhi cara dapatan ilmu warisan Makyung. Apabila melibatkan susur galur ilmu keturunan, kaedah pewarisan itu bergantung pada situasi bakal pewaris berkaitan dengan cara untuk mendapatkan ilmu tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana pelaksanaan pewarisan ilmu bergantung pada situasi ilmu keturunan mereka dan situasi bakal pewaris pada ketika itu. Walaupun begitu, dengan adanya pakar-pakar rujuk yang mendapatkan ilmu Makyung secara tradisional pada masa dahulu telah menyebabkan kesemua kaedah pewarisan ilmu Makyung dapat diketahui. Walaupun kaedah tersebut tidak dapat dilaksanakan seperti dahulu, namun kesemuanya masih dapat dijadikan sebagai rujukan bagi penerus ilmu Makyung. Ini akan membantu mereka membina kaedah baharu dalam pewarisan ilmu Makyung tradisional yang sesuai untuk bakal pewaris, mengikut kesesuaian dan peredaran masa kini.

Rujukan

- Alfan, S. F. (2020). Sustaining Mak Yong – Main puteri in Raman: A discussion of its existence in cultural evolutionary thread. *Jurai Sembah*, 1(2), 1–13. <https://doi.org/10.37134/juraisembah.vol1.2.1.2020>
- Hardwick, P. A. (2009). *Stories of the wind: The role of Mak Yong in shamanistic healing in Kelantan, Malaysia* (Doctoral dissertation, Indiana University Bloomington).
- Hardwick, P. A. (2013). Embodying the divine and the body politic: Mak Yong performance in rural Kelantan, Malaysia. In T. P. Daniel (Ed.), *Performance, popular culture, and piety in Muslim Southeast Asia* (pp. 77–103). Palgrave Macmillan US. https://doi.org/10.1057/9781137318398_4
- Hardwick, P. A. (2014). The body becoming: Transformative performance in Malaysian Mak Yong. *Music and Medicine*, 6(1), 40. <https://doi.org/10.47513/mmd.v6i1.151>
- Hardwick, P. A. (2020). Mak yong, a UNESCO “masterpiece”: Negotiating the intangibles of cultural heritage and politicized Islam. *Asian Ethnology*, 79(1), 67–90.
- Yousof, G. S. (1976). *The Kelantan Mak Yong dance theatre* (Doctoral dissertation, University of Hawaii).